

Narrative Experiential Meaning-making in Malay Short Stories

Pemaknaan Naratif Pengalaman dalam Cerpen Melayu

Siti Norashikin Azmi, Hanita Hassan, Wan Farah Wani Wan Fakhruddin & Zaliza Mohamad Nasir
Language Academy, Universiti Teknologi Malaysia, UTM Johor Bahru, Malaysia

Submitted: 03/10/2019. Revised edition: 12/11/2019. Accepted: 13/11/2019. Published online: 05/12/2019

ABSTRACT

The experiential meaning-making in narrative can be studied by applying the Ideational Metafunction theoretical framework as introduced by Halliday. According to Halliday, the meaning-making can be realized by means of three Transitivity main elements found in clauses which are process, participants and circumstances. A study was conducted on three Malay short stories entitled 'Catatan di Meja Makan', 'Anita' and 'Meneruskan Perjalanan' by Zurinah Hassan to analyse the experiential meaning-making of narrative using Transitivity analysis from Systemic Functional Linguistics as the analytical framework. The findings of the Transitivity analysis on Malay short stories show that material process types are mostly found and followed by mental processes. This results in the most found participants are actors for material process types, whilst participants for mental processes are sensors. The findings also show that the participants for material processes can be living or non-living entities. The writer usually conveys the meaning of short stories in active forms, by which means active processes are used to illustrate the actions of participants in Malay short stories. The findings of this study are a contribution to the field of Malay language studies using the theoretical framework of Systemic Functional Linguistics, of which studies on Malay language using this theory are still lacking.

Keywords: Experiential meaning-making, short stories, Transitivity analysis, Systemic Functional Linguistics, narrative

ABSTRAK

Pemaknaan naratif pengalaman dapat dikaji dengan mengaplikasikan kerangka teori Metafungsi Ideasional seperti yang diperkenalkan oleh Halliday. Menurut Halliday, pemaknaan ini dapat direalisasi melalui tiga elemen Transitiviti yang utama dalam klausa iaitu proses, pemeran dan suasana. Satu kajian telah dijalankan terhadap tiga cerpen Melayu yang berjudul 'Catatan di Meja Makan', 'Anita' dan 'Meneruskan Perjalanan' oleh Zurinah Hassan bagi menganalisis pemaknaan naratif pengalaman menggunakan pendekatan Analisa Transitiviti dari Linguistik Fungsional Sistemik sebagai kerangka analisis. Hasil dapatan analisis Transitiviti pada cerpen Melayu menunjukkan jenis proses lakuan merupakan proses yang paling banyak ditemui diikuti oleh proses minda. Hal ini menyebabkan pemeran paling kerap ditemui adalah pelaku bagi jenis proses lakuan, manakala pemeran bagi proses minda ialah perasa. Hasil dapatan juga menunjukkan pemeran bagi proses lakuan adalah terdiri dari entiti hidup dan entiti bukan hidup. Penulis juga sering menyampaikan maksud cerpen dalam bentuk aktif dengan menggunakan proses aktif lakuan dan minda bagi menggambarkan aksi para pemeran di dalam cerpen Melayu. Hasil dapatan kajian ini merupakan satu sumbangan kepada bidang kajian bahasa Melayu yang menggunakan kerangka teori Linguistik Fungsional Sistemik kerana kajian terhadap bahasa Melayu menggunakan teori ini didapati masih berkurangan.

Kata kunci: Pemaknaan Pengalaman, Cerpen, Analisis Transitiviti, Linguistik Fungsional Sistemik, Naratif

PENDAHULUAN

Halliday (1994) telah memperkenalkan Linguistik Fungsional Sistemik (SFL) dan menyatakan fungsi bahasa adalah untuk menjelaskan atau menyampaikan makna. Pemaknaan dapat direalisasikan melalui tiga metafungsi, iaitu Ideasional, Interpersonal dan Tekstual. Pendekatan menggunakan kaedah SFL dalam mengkaji sesebuah genre penulisan berbanding pendekatan lain seperti *English for Specific Purposes (ESP)* dan *Rhetorical Genre Studies (RGS)* telah dibincangkan oleh Wan Fakhrudin dan Hassan (2015). Dari perspektif SFL, metafungsi Ideasional berperanan menyampaikan makna pengalaman, hubungan di antara pewacana dan pembaca atau pendengar pula ditafsirkan melalui metafungsi Interpersonal, manakala peranan metafungsi Tekstual adalah untuk merealisasikan makna melalui gaya bahasa yang sesuai dengan sesuatu wacana dan mod yang digunakan (Halliday, 1994). Dengan kata lain, metafungsi Ideasional bertanggungjawab bagi merealisasikan pemaknaan melalui pengalaman pewacana terhadap sesuatu naratif, metafungsi Interpersonal merangkumi hubungan interaksi antara pewacana dan pembaca atau audiens; manakala metafungsi Tekstual melihat bahasa melalui tema yang disampaikan (Norfaizah *et al.*, 2016). Fokus diskusi artikel ini adalah tentang naratif pengalaman dalam cerpen Melayu yang direalisasikan menggunakan metafungsi Ideasional. Metafungsi Ideasional terbahagi kepada dua, iaitu Pengalaman dan Logikal. Pengalaman merupakan perwakilan proses dalam klausa, manakala Logikal menjurus kepada kaitan antara satu klausa dengan yang lain bagi menentukan sesuatu teks itu adalah koheren. Dengan demikian, penulisan ini menjurus kepada diskusi terhadap dapatan analisis perwakilan proses dan pemeran dalam cerpen Melayu yang membentuk pemaknaan naratif pengalaman.

Cerita sama ada disampaikan secara lisan ataupun penulisan adalah dikategorikan sebagai genre naratif yang bertujuan untuk hiburan yang melibatkan pendengar atau pembaca ke dalam pengalaman imaginatif ataupun pengalaman fakta. Dengan kata lain, naratif merupakan satu peranti perwakilan yang menggambarkan pengalaman seseorang dan distrukturkan secara khas untuk menghasilkan maksud yang berbentuk persuasif atau mengandungi elemen motivasi. Naratif, menurut Hardy (1977), adalah sebahagian daripada kewujudan manusia iaitu setiap apa yang berlaku di sekeliling manusia adalah dalam bentuk naratif, misalan mimpi, harapan, kepercayaan, kebencian dan cinta. Setiap naratif mempunyai strukturnya yang tersendiri (Labov and Waletzky, 1967) dan struktur naratif mengandungi sesuatu peristiwa yang telah dipilih, dinilai dan diilustrasikan dalam bentuk tekstual bagi memberi makna kepada audiens (Riessman, 2001).

Data bagi kajian ini ialah cerpen Melayu dan cerpen merupakan ringkasan kepada cerita pendek yang didefinisikan sebagai naratif prosa. Berlainan dengan novel yang mempunyai kepelbagaian watak, cerpen mempunyai watak yang terhad dan lebih menumpukan kepada penciptaan mood daripada plot. Cerpen Melayu yang telah digunakan sebagai data bagi kajian ini adalah dipetik dari antologi cerpen Melayu yang bertajuk *Meneruskan Perjalanan* yang ditulis oleh sasterawan terkenal iaitu Zurinah Hassan. Antologi *Meneruskan Perjalanan* (Zurinah Hassan, 1986) ini mempunyai sebelas cerpen yang mengisahkan peranan dan tanggungjawab wanita dalam masyarakat Melayu. Tiga cerpen telah dipilih iaitu 'Catatan di Meja Makan', 'Anita' dan 'Perjalanan

Sendiri'. Ketiga-tiga cerpen ini dipilih berdasarkan tema cerita yang sama, iaitu berkisahkannya wanita Melayu yang terikat dengan norma dan adat resam tradisi Melayu, menghadapi dilema dan kekangan dalam meneruskan kerjaya masing-masing. Artikel ini membincangkan hasil dapatan kajian terhadap pemaknaan naratif pengalaman dari perspektif metafungsi Ideasional bagi ketiga-tiga cerpen Melayu yang dipilih.

PENERAPAN LINGUISTIK FUNGSIONAL SISTEMIK DALAM PENYELIDIKAN BAHASA

Kajian terhadap pemaknaan bahasa menggunakan teori Linguistik Fungsional Sistemik telah dijalankan dengan agak meluas. Salah satu kajian bahasa menggunakan kerangka Linguistik Fungsional Sistemik adalah kajian Wattles dan Radic-Bojanic (2007) terhadap bahasa perdebatan. Wattles dan Radic-Bojanic telah melakukan analisis metafungsi Ideasional terhadap debat dan hasil dapatan kajian mereka menunjukkan gaya bahasa yang digunakan oleh pewacana adalah bergantung kepada jenis teks. Kajian yang dijalankan oleh Hassan (2017) yang menjurus kepada analisa metafungsi ideasional dalam membentuk maklumat berkaitan pelancongan di dalam brosur dan bahan-bahan maklumat berkaitan pelancongan pula menunjukkan bahawa proses *Material* digunakan secara meluas bagi memberi latar belakang kepada para pelancong berkaitan cara-cara untuk mengalami budaya baru ketika berkunjung ke Malaysia. Manakala Simsek (2012) telah menjalankan analisis menggunakan kerangka metafungsi Interpersonal dan Tekstual ke atas dua cerpen, iaitu "*Romantic Movement*" dan "*Gothic*". Hasil penemuan kajiannya dari analisis Interpersonal mencadangkan penulis kedua-dua cerpen menggunakan cara monolog untuk melibatkan pembaca kepada cerpen tersebut. Manakala dari analisis Tekstual menunjukkan kedua-dua cerpen menggunakan mod dialog dalam penceritaan dan fokus adalah terhadap watak utama selaku pencerita yang menzahirkan lakuan, serta penerima lakuan dan bagaimana lakuan tersebut diterima. Perlu ditekankan bahawa peranan metafungsi Tekstual adalah untuk merealisasikan makna dengan menggunakan mod bahasa yang tertentu (Eggins, 2000).

Linguistik Fungsional Sistemik juga telah digunakan untuk mengkaji penulisan Melayu seperti Zein (2015) yang mengkaji Cerita Rakyat Sumatra dan Idris (2014) yang mengkaji Novel Melayu. Zein (2015) mengkaji tiga Cerita Rakyat Sumatra bertajuk 'Batu Belah Batu Bertangkup', 'Putri Kuau', dan 'Sri Putih Cermin'. Dapatan hasil kajian beliau menunjukkan bahawa kesemua cerita rakyat mempunyai struktur, fungsi dan makna yang sama di mana proses yang paling kerap ditemui di dalam cerita rakyat adalah proses lakuan diikuti oleh proses verbal. Satu lagi kajian terhadap bahasa Melayu yang mengaplikasikan teori Linguistik Fungsional Sistemik adalah kajian terhadap puisi Melayu oleh Wiana (2010). Puisi yang dikaji adalah bertajuk 'Pantun dan Pepatah Melayu'. Kajian Wiana (2010) mengaplikasikan metafungsi Tekstual sebagai kerangka analisis dan hasil dapatan kajiannya menunjukkan dalam puisi Melayu, Tema (Theme) yang digunakan dapat dikategorikan dalam kesemua jenis Tema iaitu tekstual, topikal dan interpersonal.

Selain itu, terdapat penyelidikan bahasa Melayu yang mengaplikasikan teori Linguistik Fungsional Sistemik, iaitu kajian daripada Idris (2014). Idris mengkaji jenis proses yang terdapat dalam novel Melayu dengan menggunakan kerangka teori Linguistik Fungsional Sistemik (Halliday,

1994). Hasil kajian Idris (2014) terhadap novel bertajuk ‘Sungai Mengalir Lesu’ yang ditulis oleh A Samad Said adalah merupakan titik permulaan kepada penjenamaan jenis proses yang bersesuaian dengan teks Melayu dengan penemuan tujuh jenis proses teks Melayu dan telah melabelkan jenis proses tersebut menggunakan label dari Kerangka Teori Halliday. Tujuh jenis proses teks bahasa Melayu yang disarankan oleh Idris (2014) adalah lakuan, minda, keadaan, pertalian, kewujudan, verbal dan perihalan. Oleh yang demikian, kajian ini telah menggunakan jenis proses yang digariskan oleh Idris (2014). Tujuan utama kajian ini adalah untuk menjalankan analisis Transitiviti bagi mengkaji jenis proses dan pemeran yang signifikan dalam cerpen Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen teori Transitiviti dari metafungsi ideasional telah digunakan sebagai kerangka analisis bagi mengkaji jenis proses dan pemeran yang terdapat dalam cerpen Melayu. Data kajian adalah cerpen bertajuk ‘Catatan di Meja Makan’, ‘Anita’ dan ‘Perjalanan Sendiri’ yang dipetik dari antologi cerpen Meneruskan Perjalanan oleh Zurinah Hassan (1986). Ketiga-tiga cerpen ini adalah berkisahkan naratif wanita Melayu yang menghadapi rintangan dalam meneruskan perjuangan kerjaya mereka disebabkan peranan wanita Melayu pada masa itu lebih terhad kepada menjadi seorang isteri dan ibu sepenuh masa yang bertanggungjawab menjaga keluarga. Cerpen pertama iaitu ‘Catatan di Meja Makan’ adalah naratif dilema yang dirasai oleh Hamimah kerana tidak dapat meneruskan impiannya untuk menjadi seorang penulis setelah dia berumah tangga. Sebagai seorang wanita Melayu, Hamimah terpaksa akur dengan adat resam orang Melayu iaitu pada masa dahulu wanita Melayu diterapkan dengan kepercayaan untuk lebih menumpukan tanggungjawab kepada keluarga daripada mengejar impian kerjaya. Pada suatu hari, sedang Hamimah mengemas laci almari, dia terjumpa nota-nota penulisannya dan beliau merasa sangat terkilan apabila melihat timbunan notanya yang ditulis sebelum beliau mendirikan rumahtangga yang terbiar begitu sahaja walaupun semangat untuk menulis masih membara.

Cerpen ‘Anita’ pula menceritakan tentang Anita sebagai seorang pelajar yang aktif dan mempunyai ramai kenalan. Walaupun mempunyai ramai peminat, beliau tidak berkahwin tetapi lebih gemar menjalankan kerja-kerja sukarela membantu orang kampung semasa bergelar seorang guru. Namun begitu, usaha murni Anita untuk mendidik orang kampung telah disalah tafsir dan mengundang masalah terhadap dirinya sendiri. Ini adalah cabaran yang dihadapi oleh Anita kerana beliau memilih kerjaya lebih daripada hidup berkeluarga seperti wanita Melayu yang lain yang memilih untuk berumah tangga dan menjadi isteri dan ibu selepas tamat pengajian. Cerpen ketiga iaitu ‘Perjalanan Sendiri’ pula berkisahkan pengorbanan seorang ibu yang bekerjaya. Limah mempunyai seorang anak dan menghadapi tekanan di tempat kerja disebabkan rakan sekerjanya yang kebanyakan lelaki mempunyai persepsi yang staf wanita tidak boleh diharap. Disebabkan kebimbangannya tentang keselamatan dan kebajikan anaknya, dia telah menjemput ibu mertuanya tinggal bersama untuk menjaga anaknya yang masih kecil. Namun begitu, tindakannya itu tidak menyelesaikan masalah malah menambahkan lagi kerumitan disebabkan ibu mertuanya juga

berpendapat seorang ibu harus tinggal dirumah dan menjaga makan minum dan pakai anak dan suami.

Halliday dan Matthiessen (2004) telah menggariskan lapan (8) jenis proses di dalam teks dan jenis proses tersebut adalah lakuan (*Material*) yang menjelaskan perlakuan atau kejadian yang berlaku melibatkan pemeran pelaku, matlamat, benefisiari, dan skop. Proses minda (*Mental*) merupakan proses merasa atau melihat, manakala pemeran adalah perasa dan fenomena. Proses pertalian (*Relational*) mengaitkan pemeran pembawa dan bawaan. Proses “*Identifying*” mengenal pasti pemeran penjelas dan yang dikenal pasti, manakala proses “*Behavioral*” merealisasikan tingkah laku pemeran pembuat, kewujudan (*Existential*) menjelaskan kewujudan pemeran pewujud dan verbal (*Verbal*) merupakan kata-kata melibatkan pemeran pengucap, penerima dan perkataan yang dituturkan. Berpandukan kepada jenis proses dan pemeran oleh Halliday & Matthiessen’s (2004), Idris telah mengenal pasti tujuh (7) jenis proses dan pemeran dalam teks Melayu. Dengan mengaplikasikan tujuh jenis proses yang digariskan oleh Idris (2014), kajian ini telah menganalisis jenis proses yang signifikan dalam cerpen Melayu dan Jadual 1 adalah ringkasan kepada penerangan terhadap tujuh jenis proses yang terdapat dalam teks Melayu (Idris 2014).

Jadual 1 Ringkasan Proses dan Pemeran dalam Teks Melayu oleh Idris 2014

Jenis Proses	Domain	Sekatan	Pemeran	
Lakuan <i>Fungsi:</i> Mewakili perlakuan fizikal (termasuk metafora)	Melibatkan Lakuan Fizikal	Tiada Sesiapa/Sesuatu	Pelaku	Pelaku
			Matlamat	Penerima lakuan
			Tempat	Domain dimana proses berlaku
			Penerima	Entiti yang menerima sesuatu
			Benefisiari	Entiti yang dilakukan sesuatu
Minda <i>Fungsi:</i> Proses merasa	Pengalaman perbuatan minda melibatkan minda, fikiran, persepsi	Tidak melibatkan Lakuan Fizikal	Perasa	Orang yang merasa dan bertindakbalas secara mental. Boleh berlaku tanpa Fenomena.
			Fenomena	Entiti yang dirasakan, difikirkan, dihargai dan lain-lain
Verbal <i>Fungsi:</i> Proses bercakap atau menuturkan	Menjelaskan mesej melalui bahasa	Dua subkategori; dipetik dan dilaporkan	Penutur	Orang yang berkomunikasi menggunakan ucapan
			Pendengar	Orang yang menerima pertuturan

Jenis Proses	Domain	Sekatan	Pemeran	
			Sasaran	Orang yang disasarkan pertuturan
			<i>Verbiage</i>	Kandungan Pertuturan
Keadaan <i>Fungsi:</i> Menyatakan keadaan atau situasi pengalaman	Menjelaskan cara keadaan atau situasi orang yang mengalami	Tiada tapi mempunyai hanya satu pemeran	Pengalami	Orang yang mengalami situasi atau keadaan
Perihal <i>Fungsi:</i> Menjelaskan hubungan antara Subjek dan predikat	Menjelaskan hubungan antara Subjek dan predikat	Tertakluk pada <i>ialah</i> dan <i>adalah</i>	Pengenal	Entiti subjek dalam ayat
			Nilai	Entiti predikat dalam ayat
Kewujudan <i>Fungsi:</i> Kewujudan Perwakilan	Memperkenalkan kewujudan sesuatu	Tiada	Pengenal	Pengenal proses
			Kewujudan	Entiti yang wujud
Pertalian <i>Fungsi:</i> Mengaitkan Pemeran	Membolehkan penutur mengaitkan dua jenis Pemeran	Kata nama	Pengenal	Entiti yang dikenal pasti
			Identiti	Identiti entiti
			Pembawa	Entiti yang dijelaskan
			Atribut	Penjelasan melibatkan entiti

Idris menjelaskan terdapat tujuh (7) jenis proses yang ditemui dalam teks novel Melayu (2014) dan ianya adalah berdasarkan lapan proses yang diperkenalkan oleh Halliday dan Mathiessen (2004). Proses tersebut adalah lakuan, minda, verbal, keadaan, perihal, kewujudan dan pertalian. Proses lakuan melibatkan lakuan fizikal, manakala proses minda melibatkan lakuan minda. Seterusnya proses keadaan menerangkan tentang sesuatu situasi, proses perihal menjelaskan hubungan subjek dan predikat, proses kewujudan menjelaskan tentang kewujudan dan proses pertalian menerangkan perkaitan antara dua jenis pemeran. Oleh sebab kajian ini menjurus kepada cerpen Melayu bertajuk 'Catatan di Meja Makan', 'Anita' dan 'Perjalanan Sendiri', jenis proses yang dikenal pasti adalah mengikut label jenis proses dan pemeran seperti yang digariskan oleh Idris (2014).

Kajian ini dimulakan dengan menganalisis struktur naratif cerpen Melayu dan didapati cerpen Melayu mempunyai struktur naratif seperti yang disarankan oleh Labov dan Waletzky (1967). Struktur naratif mempunyai lima (5) tahap iaitu, Orientasi (Orientation), Komplikasi (Complication),

Penilaian (Evaluation), Resolusi (Resolution) dan Koda (Coda) (Labov and Waletzky, 1967). Dalam kajian ini, perbincangan tertumpu kepada penemuan hasil analisis Transitiviti yang dijalankan terhadap tahap orientasi ketiga-tiga cerpen yang dipetik dari Antologi Cerpen Meneruskan Perjalanan (Zurinah Hassan, 1986). Hasil dapatan dari analisis struktur naratif menunjukkan bahawa fungsi utama tahap orientasi dalam cerpen Melayu adalah untuk memperkenalkan watak, masa, tempat dan situasi sesuatu naratif.

Cerpen ‘Catatan di Meja Makan’ memperkenalkan Hamimah sebagai watak utama diikuti dua orang anaknya, suaminya dan jiran tetangga, manakala masa adalah di waktu petang, tempat adalah keberadaan Hamimah di rumahnya dan situasi di mana anaknya sedang tidur dan suaminya yang belum pulang dari kerja. Dalam cerpen Anita pula, tahap Orientasi menekankan tiga watak utama iaitu Aku, Anita dan Halim di mana masa naratif berkisarkan sepanjang perkenalan di antara Aku dan Anita semenjak di bangku sekolah di suatu bandar kecil. Anita merupakan seorang yang aktif dan mempunyai ramai kenalan, manakala tahap orientasi cerpen Perjalanan Sendiri pula memperkenalkan Limah sebagai Aku, suamiku dan anakku. Cerpen ini berkisar di dalam rumah Limah, pada waktu pagi sedang Limah dan suaminya sibuk bersiap untuk ke tempat kerja. Situasi yang ditampilkan ialah rutin harian Limah, iaitu menyiapkan makanan untuk anaknya dan menyiapkan kerja rumah sebelum pergi ke tempat kerja.

Teks yang terdapat di tahap Orientasi dianalisis menggunakan kerangka analisis Transitiviti, teks pada mulanya dicerakinkan kepada klausa dengan mengenal pasti proses utama. Begitu juga dengan ayat kompleks yang dicerakinkan kepada klausa mengikut kewujudan proses utama. Adalah penting untuk menentukan yang setiap klausa hanya mempunyai satu proses utama (Halliday, 1994). Selepas penentuan klausa, proses utama yang terdapat dalam klausa dikategorikan mengikut jenisnya seperti yang digariskan oleh Idris (2014). Setelah jenis proses ditentukan, langkah ketiga dalam analisis Transitiviti ialah melabel pemeran yang bersesuaian mengikut jenis proses (Fontaine, 2013). Jadual 2 menunjukkan contoh teks yang telah dicerakinkan kepada klausa dengan menentukan proses utama di dalam tulisan tebal (*bold*). Teks yang digunakan dalam Jadual 2 adalah teks yang diambil dari perenggan pertama dalam tahap Orientasi yang dipetik dari cerpen Catatan di Meja Makan.

Jadual 2 Pencerakinan Teks kepada Klausa Menggunakan Teori Fungsional Linguistik Sistemik

- Klausa 1 : Sudah beberapa hari dia **berniat** untuk menyusun laci almari rendah dekat meja itu
- Klausa 2 : Laci itu **sudah sesak** dengan pelbagai kertas yang tidak dapat diingat lagi
- Klausa 3 : Pagi **datang**
- Klausa 4 : dan pagi **berakhir**
- Klausa 5 : Petang **datang**
- Klausa 6 : dan petang **berakhir**
- Klausa 7 : Malamnya dia sudah terlalu **letih** untuk menjalankan sebarang operasi pembersihan

Setelah jenis proses utama ditentukan, langkah seterusnya ialah menentukan dan melabelkan pemeran di dalam setiap klausa mengikut kesesuaian proses utama seperti yang digambarkan di dalam Jadual 3.

Jadual 3 Melabelkan Jenis Proses dan Pemeran di dalam Klausa

Klausa 1: Sudah beberapa hari dia **berniat** untuk menyusun laci almari rendah dekat meja itu

Sudah beberapa hari	dia	berniat	untuk menyusun laci almari rendah dekat meja itu
	Pemeran: Perasa	Proses: Minda	

Klausa 2: Laci itu **sudah sesak** dengan pelbagai kertas yang tidak dapat diingat lagi

Laci itu	sudah sesak	dengan pelbagai kertas yang tidak dapat diingat lagi
Pemeran: Pengalami	Proses: Keadaan	

Klausa 3: Pagi **datang**

Pagi	datang
Pemeran: Pengenal	Proses: Kewujudan

Klausa 4: dan pagi **berakhir**

dan	pagi	berakhir
	Pemeran: Pengenal	Proses: Kewujudan

Klausa 5: Petang **datang**

Petang	datang
Pemeran: Pengenal	Proses: Kewujudan

Klausa 6: dan petang **berakhir**

dan	Petang	berakhir
	Pemeran: Pengenal	Proses: Kewujudan

Klausa 7: Malamnya dia sudah terlalu **letih** untuk menjalankan sebarang operasi pembersihan

Malamnya	dia	sudah terlalu	letih	untuk menjalankan sebarang operasi pembersihan
	Pemeran: Pengalami		Proses: Keadaan	

Perkara yang menarik walau pun *datang* adalah dikategorikan di bawah jenis proses lakuan, namun begitu di dalam klausa 3 dan 5, datang adalah metaforik kepada jenis proses kewujudan. Pagi dan petang tidak boleh melakukan sebarang aktiviti tetapi pagi dan petang boleh wujud, jadi dengan itu pemaknaan kewujudan pagi dan petang direalisasikan dengan proses datang.

Bahagian seterusnya akan membincangkan hasil dapatan dari analisis Transitiviti yang dijalankan terhadap jenis proses dan pemeran dalam ketiga-tiga cerpen iaitu Catatan di Meja Makan, Anita dan Perjalanan Sendiri. Proses dan pemeran adalah elemen yang digunakan bagi memberi makna pengalaman dalam sesuatu naratif.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pemaknaan naratif pengalaman dalam cerpen Melayu melalui perwakilan jenis proses dan pemeran dalam teks tiga cerpen Melayu yang ditulis oleh Zurinah Hassan (1986). Hasil dapatan dari analisis Transitiviti yang dijalankan, didapati jenis proses lakuan merupakan proses yang paling kerap ditemui diikuti oleh proses minda. Manakala jenis proses yang paling kurang digunakan dalam naratif pengalaman cerpen ialah perihalan. Jadual 4 menunjukkan ringkasan hasil dapatan dari analisis Transitiviti yang dijalankan.

Jadual 4 Jenis Proses dalam Cerpen Melayu

Jenis Proses	Catatan di Meja Makan	Anita	Perjalanan Sendiri	Frekuensi	Peratus (%)
Lakuan	13	13	33	59	46.1
Minda	12	9	3	24	18.8
Verbal	-	-	17	17	13.3
Keadaan	4	5	1	10	7.8
Kewujudan	5	4	-	9	7.0
Pertalian	-	3	4	7	5.4
Perihalan	2	-	-	2	1.6
Jumlah	36	34	58	128	100

Jadual 4 menunjukkan dalam ketiga-tiga cerpen, jenis proses lakuan merupakan proses yang paling kerap ditemui dengan jumlah 59 proses iaitu 46.1%. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Zein (2015) iaitu proses lakuan merupakan proses paling kerap ditemui dalam Cerita Rakyat Sumatra. Fungsi proses lakuan adalah untuk menjelaskan tindakan/lakuan fizikal yang dibuat oleh pemeran. Ini menunjukkan penulis cuba menjelaskan unsur pergerakan fizikal dalam cerita supaya

pembaca dapat membayangkan aktiviti atau aksi yang dilakukan oleh pemeran. Untuk mendekatkan lagi penceritaan kepada pembaca, penulis menerapkan proses minda yang tinggi; iaitu sebanyak 24 proses. Ini bertujuan untuk menggambarkan kepada pembaca bahawa terdapat entiti hidup yang dapat dirasai kewujudannya walaupun tanpa aktiviti fizikal. Proses verbal adalah proses ketiga yang paling kerap ditemui di dalam cerpen Melayu, iaitu sebanyak 17 proses. Dapatan ini berbeza dengan dapatan Zein (2005) yang mencadangkan proses Verbal sebagai proses kedua paling kerap ditemui dalam teks yang dikaji. Proses-proses lain yang ditemui adalah keadaan (10), kewujudan (9), pertalian (7), dan perihalan (2). Perbincangan seterusnya adalah tertumpu kepada setiap jenis proses yang ditemui dengan menggunakan contoh petikan yang diambil dari data kajian ini.

Kehadiran jenis proses lakuan yang tinggi iaitu; hampir separuh menunjukkan bahawa fokus utama naratif pengalaman dalam tahap orientasi cerpen Melayu adalah untuk menggambarkan perkara yang berlaku dan siapa yang melakukannya. Ini bukan sahaja berlaku dalam cerpen Melayu, malah dapatan kajian analisis Transitiviti yang dijalankan terhadap cerita rakyat (Zein, 2005) dan novel (Idris, 2014) juga mendapati proses lakuan adalah jenis proses yang paling banyak digunakan bagi menyampaikan maksud yang berlaku dalam sesuatu naratif. Contoh proses lakuan yang ditemukan dalam tahap orientasi cerpen Melayu adalah seperti membuang, datang, pergi, akan mencium dan mendakap. Petikan 1 menunjukkan contoh proses lakuan yang didapati dalam cerpen Melayu.

Ayat 1: Lalu dalam kegembiraan aku **akan mencium** pipinya.

Lalu dalam kegembiraan	aku	akan mencium	pipinya.
	Pemeran: Pelaku	Proses: Lakuan	Pemeran: Matlamat

Dalam petikan 1, sangat jelas ‘aku’ adalah pelaku yang sedang melakukan sesuatu aksi, iaitu ‘mencium’ dan sasarannya adalah ‘pipi’ yang dilabel sebagai matlamat. Proses lakuan ini mempunyai dua pemeran iaitu pelaku dan matlamat. Pemaknaan naratif pengalaman ini mengilustrasikan perkara yang terjadi dan siapa yang melakukannya agar pembaca dapat menggambarkan kejadian dalam sesuatu naratif.

Seterusnya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa proses minda adalah yang kedua tertinggi iaitu 18.8% yang ditemui dalam cerpen Melayu. Fungsi utama proses minda adalah untuk menyatakan perasaan atau apa yang bermain di kotak fikiran seseorang dan ianya melibatkan perasaan, persepsi dan kognitif (Idris dan Rosniah, 2012). Proses minda adalah penting dalam sesuatu naratif iaitu pencerita sering menggambarkan senario yang bermain dalam fikiran watak-watak di dalam cerita supaya pembaca dapat merasakan atau membayangkan situasi yang sama. Contoh proses minda yang ditemui dalam cerpen Melayu adalah seperti berniat, berharap, tidak nampak dan boleh dikatakan. Petikan 2 menunjukkan contoh proses minda yang terdapat dalam cerpen Melayu.

Ayat 2: Tetapi aku **tidak nampak** sebarang tanda-tanda yang Anita menyimpan sesiapa dalam hatinya.
Keadaan di dalam rumah **boleh dikatakan** agak teratur juga

Tetapi	aku	tidak nampak	sebarang tanda-tanda yang Anita menyimpan sesiapa dalam hatinya.
	Pemeran: Perasa	Proses: Minda	Pemeran: Fenomena
Keadaan	di dalam rumah	boleh dikatakan	Agak teratur juga
Pemeran: Perasa		Proses: Minda	Pemeran: Fenomena

Ayat 2 menunjukkan ‘tidak nampak’ adalah jenis proses minda yang terdapat di dalam data kajian ini. Proses minda mempunyai dua jenis pemeran, iaitu perasa dan fenomena (Halliday, 1994; Idris, 2014), dalam Ayat 2 didapati ‘aku’ adalah pemeran pertama iaitu perasa manakala ‘sebarang tanda-tanda yang Anita menyimpan sesiapa dalam hatinya’ adalah pemeran kedua iaitu fenomena. Ayat 2 juga menunjukkan proses ‘boleh dikatakan’ yang ditemui dalam cerpen ‘Catatan di Meja Makan’ sebagai jenis proses minda. Proses ‘boleh dikatakan’ ini merupakan satu proses yang menarik untuk dikaji. Ini kerana perkataan ‘dikatakan’ mengandungi ‘kata’ yang dikategorikan sebagai proses verbal. Namun begitu, dengan kehadiran perkataan ‘boleh’ mendahului perkataan ‘dikatakan’, menjadikan proses ‘boleh dikatakan’ digunakan untuk menggambarkan fenomena yang dirasakan oleh pemeran. Oleh yang demikian, proses ‘boleh dikatakan’ dilabelkan di bawah kategori jenis proses minda. Ayat 2 menunjukkan dengan sangat jelas bahawa pewacana iaitu ‘aku’ ingin berkongsi pengalamannya atau persepsinya bersama pembaca dan pemaknaan ini direalisasikan melalui proses minda.

Seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4, proses verbal adalah yang ketiga penting yang ditemui di dalam tahap Orientasi cerpen Melayu iaitu 13.3% dan perkara yang menarik adalah kesemua proses verbal ini ditemui dalam satu cerpen sahaja iaitu Perjalanan Sendiri. Proses verbal adalah untuk merealisasikan perucapan (Idris, 2014). Hasil dapatan kajian menunjukkan proses verbal dalam cerpen Perjalanan Sendiri kebanyakannya adalah merupakan perbualan di antara dua watak iaitu watak ibu atau ayah dan anak. Ayat 3 menunjukkan contoh proses verbal yang terdapat dalam cerpen Perjalanan Sendiri.

Ayat 3: Suamiku akan **bertanya**, “Macam mana bunyi lembu?”

Anakku akan **menjawab**, “Mooh!”

“Macam mana bunyi kambing?”

“Bek ...,” **jawab** anakku.

“Kucing?”

“Miauuu,” **jawab** anakku.

“Pandai anak abah!”

Suamiku	akan bertanya	“Macam mana bunyi lembu?”
Pemeran: Penutur	Proses: Verbal	Pemeran: <i>Verbiage</i>
Anakku	akan menjawab	“Mooh!”
Pemeran: Penutur	Proses: Verbal	Pemeran: <i>Verbiage</i>
“Macam mana bunyi kambing?”		
Pemeran: <i>Verbiage</i>		
“Bek ...,”	jawab	anakku.
Pemeran: <i>Verbiage</i>	Proses: Verbal	Pemeran: Penutur
“Kucing?”		
Pemeran: <i>Verbiage</i>		
“Miauuu,”	jawab	anakku.
Pemeran: <i>Verbiage</i>	Proses: Verbal	Pemeran: Penutur
“Pandai anak abah!”		
Pemeran: <i>Verbiage</i>		

Pemeran yang mengiringi jenis proses verbal merupakan penutur dan *verbiage*. Jenis proses verbal selalunya hadir dalam bentuk petikan atau laporan (Halliday, 1994; Idris dan Rosniah, 2012). Proses verbal yang ditemui dalam cerpen Perjalanan Sendiri adalah ‘tanya’, ‘bertanya’, ‘jawab’ dan ‘menjawab’. Situasi ini menggambarkan seorang ayah atau ibu bertanyakan soalan dan anak memberikan jawapan kepada pertanyaan ayah atau ibu. Pengkaji mencadangkan agar proses ini dapat dikaji dari sudut metafungsi Interpersonal bagi menyelidik fungsi dan peranan pemeran dalam cerpen Melayu.

Proses lain yang ditemui dalam ketiga-tiga cerpen Melayu ialah keadaan dan kewujudan dengan masing-masing kurang dari 7% kekerapan. Fungsi jenis proses keadaan adalah untuk menggambarkan situasi atau keadaan sesuatu pengalaman manakala proses kewujudan pula berfungsi untuk menyatakan kewujudan sesuatu pemeran atau watak dalam naratif (Idris, 2014; Fontaine, 2013). Ayat 4 menunjukkan contoh jenis proses keadaan dan kewujudan yang ditemui dalam cerpen Melayu dalam kajian ini.

Ayat 4: Kulitnya **cerah** dan **segar** barangkali kerana bersukan

Tidak hairanlah kalau **ada** beberapa pelajar lelaki dari sekolah-sekolah lain yang mengenali aku

Kulitnya	Cerah dan segar	barangkali kerana bersukan	
Pemeran: Pengalami	Proses: Keadaan		
Tidak hairanlah kalau	ada	beberapa pelajar lelaki dari sekolah-sekolah lain yang mengenali aku	
	Proses: Kewujudan	Pemeran: Existent	

Ayat 5: Laci itu **sudah sesak** dengan pelbagai kertas yang tidak dapat diingat lagi.

Laci itu	sudah sesak	dengan pelbagai kertas yang tidak dapat diingat lagi
Pemeran: Pengalami	Proses: Keadaan	

Dalam Ayat 4, proses keadaan, iaitu ‘cerah’ dan ‘segar’ membayangkan keadaan kulit Anita yang cerah dan segar. Selain itu, satu lagi contoh proses keadaan dari cerpen Catatan di Meja Makan ialah ‘sudah sesak’ (Ayat 5), apabila pewartawan ingin membayangkan kepada pembaca mengenai keadaan ‘laci’, iaitu pemeran pengalami yang telah penuh sesak dengan nota-nota lama. Dengan ini, dapatlah disimpulkan bahawa proses keadaan adalah untuk memberi gambaran sesuatu keadaan kepada pembaca agar pembaca dapat memahami dan membayangkan keadaan naratif pengalaman. Manakala fungsi proses kewujudan adalah untuk mengilustrasikan elemen-elemen yang wujud agar jalan cerita menjadi lebih menarik dan lengkap. Sebagai contoh, dalam Petikan 4, proses ‘ada’ menggambarkan kewujudan dan pemeran pengenal ialah ‘beberapa pelajar lelaki dari sekolah-sekolah lain yang mengenali aku’ dan pemeran ini dengan jelas berfungsi untuk membuat jalan sesuatu naratif itu lebih menarik.

Dua proses yang terakhir dalam cerpen Melayu ialah jenis proses pertalian (5.4%) dan perihalan (1.6%). Proses pertalian adalah proses yang mengaitkan dua pemeran, iaitu pengenal dan identiti, atau pembawa dan atribut (Halliday, 1994). Manakala jenis proses perihalan adalah proses unik kerana hanya terdapat dalam bahasa Melayu dan fungsi proses perihalan adalah untuk mengaitkan subjek dan predikat. Ayat 6 menunjukkan dua proses, iaitu pertalian dan perihalan yang didapati dalam tahap Orientasi cerpen Melayu.

Ayat 6: Kasihku padanya **tidak dapat dibandingkan** dengan gunung
Ketenangan begini **ialah** sesuatu yang luar biasa

Kasihku	padanya	tidak dapat dibandingkan	dengan gunung
Pemeran: Pengenal		Proses: Pertalian	Pemeran:Identiti
Ketenangan begini	ialah	sesuatu yang luar biasa	
Pemeran: Pengenal	Proses: Perihalan	Pemeran: Nilai	

Proses pertalian ‘tidak dapat dibandingkan’ mengaitkan dua pemeran, iaitu kasihku dan gunung. Klausa ini dipetik daripada cerpen Perjalanan Sendiri iaitu ‘kasihku’ adalah kasih seorang ibu kepada anaknya yang tidak dapat dibandingkan dengan ketinggian gunung. Pewacana membuat perbandingan di antara kasih ibu dengan ketinggian gunung bagi membayangkan kebesaran kasih seorang ibu melalui penggunaan proses pertalian. Pemeran yang berkait dengan proses pertalian ‘tidak dapat dibandingkan’ adalah pengenal, iaitu kasihku dan identiti iaitu ‘dengan gunung’ (Halliday, 1994).

Proses keperihalan pula, menurut Idris (2014), terhad kepada ‘ialah’ dan ‘adalah’. Seperti yang dapat dilihat dalam Ayat 6, ia menunjukkan proses perihalan ‘ialah’ yang menghubungkan subjek, iaitu ‘ketenangan begini’ dan predikat iaitu ‘sesuatu yang luar biasa’ di dalam cerpen Catatan di Meja Makan. Namun begitu perkara yang menarik ialah satu lagi proses perihalan ditemui, iaitu ‘merupakan’. Menurut Idris (2014), ‘merupakan’ bukanlah proses perihalan, namun ‘merupakan’ dalam Ayat 7 digunakan secara metaforik untuk mengaitkan subjek dan predikat dan ianya diklasifikasikan sebagai proses perihalan. Oleh itu, ‘hari yang tenang’ ini dilabelkan sebagai pemeran pengenal dan pemeran kedua ialah ‘hari yang tenang’ yang dilabelkan sebagai nilai seperti yang ditunjukkan di dalam Ayat 7. Dengan kata lain, klausa dalam Ayat 7 boleh ditulis ‘hari ini adalah hari yang tenang dalam hidupnya’ dengan proses ‘merupakan’ digantikan dengan ‘adalah’, iaitu proses perihalan. Maksud kedua-dua klausa adalah sama cuma perbezaan adalah dari segi pilihan proses yang digunakan, inilah yang dijelaskan oleh Halliday (1994) iaitu teks adalah makna dan pemaknaan adalah pilihan.

Ayat 7: Hari ini **merupakan** hari yang tenang dalam hidupnya

Hari ini	merupakan	hari yang tenang	dalam hidupnya
Pemeran: Pengenal	Proses: Perihalan	Pemeran: Nilai	

Jadual 5 menunjukkan ringkasan jenis proses dan pemeran yang ditemui dalam tahap Orientasi dalam ketiga-tiga cerpen Melayu yang digunakan sebagai data kajian ini.

Jadual 5 Jenis Proses dan Pemeran dalam Cerpen Melayu

Jenis Proses	Kekerapan	Jenis Pemeran				
		Pelaku	Matlamat	Tempat	Penerima	Penerima manfaat
Lakuan						
	59	38	44	1	1	-
Minda		Perasa	Fenomena	-	-	-
	24	20	17	-	-	-
Verbal		Penutur	Penutur	Sasaran	Pertutura	-

Jenis Proses	Kekerapan	Jenis Pemeran				
					n	
	17	10	-	-	16	1
Keadaan		Orang yang mengalami	-	-	-	-
	10	10	-	-	-	-
Kewujudan		Pengenal	Nyata			-
	9	4	9	-	-	-
Pertalian		Pengenal	Identiti	Pembawa	Atribut	-
	7	6	5	2	-	-
Perihalan		Pengenal	Nilai	-	-	-
	2	2	2	-	-	-
Jumlah	128	-				

Jenis pemeran dapat dikenal pasti berdasarkan hasil dapatan jenis proses seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Dengan proses lakuan sebagai proses yang paling kerap ditemui, pemeran proses lakuan dengan jelas sekali menjadi pemeran paling kerap ditemui, iaitu pelaku (38), matlamat (44), dan penerima dan tempat dengan masing-masing satu penemuan. Pemeran lain yang ditemui adalah perasa (20) dan fenomena (17) bagi jenis proses minda, pengalami (10), kewujudan dengan pengenal (4) bagi proses keadaan, pengenal (6), identiti (5) dan pembawa (2) bagi proses pertalian, dan akhir sekali pengenal (2) dan nilai (2) bagi proses perihalan. Ini menunjukkan bagi setiap proses yang ditemui, ia perlu disokong oleh pemeran, sama ada satu atau lebih pemeran agar maksud ayat dapat diterangkan dengan jelas.

KESIMPULAN

Analisis transitiviti yang dijalankan terhadap ketiga-tiga cerpen Melayu dalam kajian ini bahawa proses lakuan sebagai proses yang paling kerap ditemui dengan kekerapan sebanyak 46.1% dan diikuti oleh proses Minda (18.8%). Kekerapan kedua-dua proses ini memberikan gambaran bahawa penulis lebih tertumpu untuk menjelaskan tindakan/lakuan oleh pemeran sama ada secara fizikal ataupun minda. Proses minda dalam ketiga-tiga cerpen menunjukkan bahawa sesuatu aktiviti bukan hanya dapat digambarkan melalui aktiviti fizikal, bahkan boleh juga direalisasikan melalui aktiviti mental. Hasil kajian ini menyokong dapatan jenis proses yang ditemui dalam naratif Melayu, sama

ada dalam cerpen mahupun novel iaitu proses lakuan sebagai proses utama yang ditemui. Hal ini demikian kerana fungsi utama sesuatu naratif adalah untuk menggambarkan perkara yang berlaku.

Namun begitu, kajian ini hanya tertakluk kepada tahap Orientasi cerpen Melayu dan kajian analisis Transitiviti sahaja. Adalah disyorkan supaya kajian lebih lanjut dijalankan terhadap keseluruhan tahap cerpen Melayu menggunakan metafungsi yang lain seperti Interpersonal, dan Tekstual agar pemahaman terhadap pilihan dalam representasi pemaknaan cerpen Melayu dari sudut Linguistik Fungsional Sistemik dapat didalami.

RUJUKAN

- Eggs, S. 2000. *An Introduction to Systemic Functional Linguistics*. London: Pinter Publishers.
- Fontaine, L. 2013. *Analysing English Grammar: A Systemic Functional Introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Halliday, M. A. 1994. *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M. A. 1973. *Exploration in the Function of Language*. London: Edward Arnold.
- Halliday, M. A. 2007[1975]. Language as Social Semiotics. (J. J. Webster, Ed.). *Language and Society*. 10: 169-201.
- Halliday, M. A., & Hassan, R. 1985. *Language, Context and Text: a Social Semiotic Perspective*. Geelong: Deakin University Press.
- Halliday, M. A., & Matthiessen, C. M. 2004/2013. *An Introduction to Functional Grammar*. 3rd Ed. London: Arnold.
- Hardy, B. 1977. *Charles Dickens: The Later Novels*. British Council: Britain.
- Idris Aman & Rosniah Mustaffa. 2012. Nahu Wacana dan: Pemerian Semula Berasaskan Analisis Nahu Wacana Fungsional. *Jurnal Bahasa*. 25(Januari-April): 21-45.
- Idris Aman. 2014. "Proses" dalam Ayat Wacana: Representasi Pengalaman Dunia Penutur. *Jurnal Bahasa*. Retrieved May 15, 2015, from Dewan Bahasa dan Pustaka: <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/08/1-Proses-dalam-ayat-wacana.pdf>.
- Labov, W., & Waletzky, J. 1967. Narrative Analysis: Oral Version of Personal Experience. (H.J. Ed.). *Essay on the Verbal and Visual Arts*. 12-44.
- Norfaizah Abdul Jobar, Anida Sarudin, & Idris Md Radzi. 2016. Analisis Metafungsi Bahasa dalam Penulisan Karangan. *Jurnal Bahasa*. 13(2): 308-322.
- Riessman, C. K. 2001. Analysis of Personal Narratives. In J. F. Gubrium, & J. A. Holstein, *Handbook of Interviewing*. Sage Publication.
- Simsek, M. R. 2012. A Systemic Fuctional Linguistics of Two Short Stories. *Dicle Universitesi Sosyal Bilimler Enstitusu Dergisi*. 4 (7): 74-96.
- Siti Norashikin, A. 2017. Narrative Structure of Malay Short Stories. Unpublished Master Thesis. Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.
- Tam, N. T. M. 2013. The Notion of Clause Complex in Systemic Functional Linguistics. *VNU Journal of Foreign Studies*. 29(4): 25-36.

- Teich, E. 1999. *Systemic Functional Grammar in Natural Language Generation: Linguistics Description and Computational Representation*. London: Cassel.
- Wattles, I., & Radis-Bojanic, B. 2007. The Analysis of an Online Debate - The Systemic Functional Grammar Approach. *Linguistics and Literature*. 5(1): 47-58.
- Wiana, D. 2010. Analisis Teman pada Pantun melayu. *Jurnal Ilmiah Abdi Ilmu*. 3(2): 383-391.
- Zein, T. T. 2015. North Sumatran Malay Folktales: Its Structure, Social Function and Meaning. *Malay Literature*. 167-199.
- Zurinah Hassan. 1986. *Meneruskan Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.